

23 FEB 1998

Sabbaruddin-Laporan

IBU PEJABAT UMNO TERIMA BANYAK LAPORAN MENGENAI POLITIK WANG

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Ibu pejabat Umno menerima banyak laporan mengenai politik wang dan salah laku anggota parti menjelang pemilihan pucuk pimpinan peringkat bahagian bulan depan, kata Setiausaha Agungnya Datuk Sabbaruddin Chik.

"Bagaimanapun, kebanyakan laporan yang diterima didapati tidak lengkap dan tanpa bukti yang kukuh," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sebuah syarikat pengiklanan "Imuda Advertising Sdn. Bhd" di sini hari ini.

Laporan yang hendak dibuat mestilah lengkap dengan bukti sahih dan bukan berdasarkan cakap-cakap orang atau laporan media, kata Sabbaruddin.

Laporan yang lengkap dengan bukti yang kukuh akan dirujuk dahulu kepada jawatankuasa teknikal parti yang dipengerusikan oleh peguam Datuk Zaki Tun Azmi.

Jawatankuasa disiplin dan pengurusan Umno yang dipengerusikan oleh Timbalan Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim pula akan memutuskan tindakan yang patut dikenakan selepas menerima laporan jawatankuasa teknikal itu, katanya.

Sabbarudin berkata jawatankuasa disiplin dan pengurusan akan bermesyuarat lebih kerap sekarang sehingga selesai mesyuarat tahunan cawangan dan persidangan perwakilan bahagian.

Mesyuarat agung cawangan ditetapkan dari 12 Feb hingga 15 Mac manakala persidangan perwakilan bahagian yang akan menyaksikan pemilihan pemimpin untuk tempoh tiga tahun akan datang adalah dari 12 Mac hingga 29 Mac ini.

Mengenai pertandingan yang bakal berlaku di beberapa bahagian sungguhpun Majlis Tertinggi menerima nasihat Presiden Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya dielakkan pertandingan demi mengekalkan perpaduan Umno, beliau berkata: "Anggota Umno tidak patut menentang arus."

Apabila ditanya tentang tindakan yang boleh dikenakan kepada anggota parti yang melanggar nasihat pucuk pimpinan, beliau berkata: "Tidak ada tindakan tertentu tetapi apa salahnya mendengar nasihat presiden dan pemimpin-pemimpin parti yang lain."

Dalam politik seperti Umno, perkara yang paling utama ialah kepentingan parti bukan diri sendiri atau orang-orang tertentu, kata Sabbaruddin. --  
BERNAMA

SJA NMO